

Tanda harga Bunmathan paling tinggi

Dari muka 48

Kapten skuad Gajah Perang, Theerathon Bunmathan mengungguli nilai pasaran paling tinggi dalam pasukan itu dengan tanda harga RM2.8 juta.

Harimau Malaya yang tidak disertai ramai bintang pada kejohanan kali ini berada di kedudukan keempat dengan nilai kira-kira RM19 juta.

Penyerang, Faisal Halim menjadi pemain paling bernilai tinggi dalam skuad Harimau Malaya apabila memegang tanda harga RM1.4 juta disusuli Safawi Rasid (RM1.17 juta) dan Khuzaimi Piee (RM1 juta).

Myanmar yang tewas dalam dua aksi Kumpulan B sebelum ini menghuni tangga kelima carta dengan nilai pasaran keseluruhan skuad itu RM15.5 juta.

Sementara itu, lima pasukan lain menyaksikan Filipina bernilai RM13.8 juta, Singapura (RM12.9 juta), Kemboja (RM8.8 juta), Laos (RM8 juta) dan Brunei (RM6.7 juta).



*Theerathon
Bunmathan*

Vietnam termahal, Malaysia keempat

BERITA HARIAN (28/12/2022) page 48

Daripada Zulfaizan Mansor
di Hanoi

zulfaizan@bh.com.my

Juara Piala AFF dua kali, Vietnam menjadi skuad paling bernilai tinggi dalam kalangan 10 pesaing di pentas kejohanan itu bagi edisi 2022.

Berdasarkan laman www.transfermarkt.com, nilai keseluruhan skuad Golden Star Warriors memecah €6.43 juta atau RM30 juta.

Jumlah itu adalah nilai pasaran keseluruhan bagi setiap pemain yang digunakan pengendali Vietnam, Park Hang Seo dalam usaha memburu gelaran ketiga 'Piala Dunia' Asia Tenggara.

Pemain kelab Pau FC, Nguyen Quang Hai dan perancang tengah Viettel FC, Nguyen Hoang Duc memegang status bintang termahal skuad itu dengan nilai pasaran €400,000 (RM1.9 juta).

Tangga kedua carta skuad 'termahal' di Piala AFF kali ini dipe-

Nilai skuad Piala AFF 2022

1. Vietnam - RM30 juta
2. Indonesia - RM29.8 juta
3. Thailand - RM28 juta
4. Malaysia - RM19 juta
5. Myanmar - RM15.5 juta
6. Filipina - RM13.8 juta
7. Singapura - RM12.9 juta
8. Kemboja - RM8.8 juta
9. Laos - RM8 juta
10. Brunei - RM6.7 juta

gang Indonesia dengan nilai pasaran keseluruhan pemain mereka berjumlah RM29.8 juta.

Bintang Johor Darul Ta'zim (JDT), Jordi Amat muncul pemain termahal dengan nilai RM4.7 juta dan angka itu juga meletakkan dia pemain paling bernilai tinggi di Piala AFF kali ini.

Juara bertahan yang juga memegang rekod kejuaraan Piala AFF terbanyak, Thailand pula berada di kedudukan ketiga dengan nilai RM28 juta.

Lihat muka 46

Jordi
Amat